

# **ASM INDEX FUND**

**LAPORAN TAHUNAN  
BERAKHIR  
15 MAC 2009**

**ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD  
(256439-D)  
Tingkat Bawah, Wisma ASMB  
No. 1A, Jalan Lumut  
Peti Surat 10701  
50722 Kuala Lumpur**

## MAKLUMAT KORPORAT

### PENGURUS

**ASM Investment Services Berhad (256439-D)**  
(Subsidiari milik penuh Amanah Saham Mara Berhad)

### IBU PEJABAT

Tingkat Bawah, Wisma ASMB  
No. 1A, Jalan Lumut  
Peti Surat 10701  
50722 Kuala Lumpur  
Tel: (03) 4145 3800 Faks: (03) 4145 3901  
E-mel: [asmis@asmb.com.my](mailto:asmis@asmb.com.my)  
Laman Web: [www.asmb.com.my/uniTrust/corp\\_profile.htm](http://www.asmb.com.my/uniTrust/corp_profile.htm)

### LEMBAGA PENGARAH

YBhg. Datuk (Dr.) Zamani bin Md. Noor - Pengerusi  
YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed  
YBhg. Dato' Sri Hj Abd Rahim bin Hj Abdul  
YBhg. Prof. Dr. Faridah bt Hj Hassan  
Encik Mansoor bin Ahmad  
Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

### KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

### SETIAUSAHA SYARIKAT

Puan Shahrizat bt Othman (MAICSA NO.0764744)  
Puan Zaharah bt Ibrahim (MAICSA NO. 7012004)

### JAWATANKUASA PELABURAN

YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed  
Encik Hassan bin Jaafar  
Encik Wan Abdul Rahman bin Wan Abu Samah  
Encik Mansoor bin Ahmad

### PEMEGANG AMANAH

Amanah Raya Berhad (344986-V)

### JURUAUDIT

Tetuan Ahmad Abdullah & Goh (AF-0381)

No.	Kandungan	Muka Surat
<b>1.</b>	<b>MAKLUMAT TABUNG</b>	<b>4</b>
1.1	Profil Tabung	4
1.2	Kategori/Jenis Tabung	4
1.3	Saiz Tabung	4
1.4	Objektif Tabung	4
1.5	Tanda Aras Tabung	4
1.6	Dasar Pengagihan Tabung	4
1.7	Kedudukan Pegangan Unit	4
<b>2.</b>	<b>PENCAPAIAN DANA</b>	<b>5 – 6</b>
2.1	Komposisi Tabung	5
2.2	Prestasi IK KL	6
2.3	Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan	6
<b>3.</b>	<b>LAPORAN PENGURUS</b>	<b>7 – 15</b>
3.1	Analisa Prestasi Tabung	7
3.1.1	Bandingan Prestasi Tabung Dengan Objektif Pelaburan	7
3.1.2	Bandingan Prestasi Tabung Dengan Tanda Aras	7
3.2	Ciri-Ciri dan Perbandingan Komponen Pelaburan Tabung Dengan Tanda Aras	8
3.3	Polisi Pengimbangan Tabung	8
3.4	Prestasi Kewangan Tabung	9
3.5	Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/IK KL	9
3.6	Jumlah Pulangan Tabung	9
3.7	Polisi dan Strategi Pelaburan	10
3.8	Pengagihan Aset-Aset Tabung	10
3.9	Prestasi Instrumen Pelaburan	11
3.10	Suasana Bursa Saham Tempatan	12

No.	Kandungan	Muka Surat
3.11	Suasana Pasaran Wang	14
3.12	Pengagihan Pendapatan	15
3.13	Terbitan Unit Pecahan	15
3.14	Kesan Daripada Pengagihan Pendapatan	15
3.15	Rebet dan Komisen Tidak Langsung	15
<b>4.</b>	<b>PERNYATAAN PENGURUS</b>	<b>16</b>
<b>5.</b>	<b>LAPORAN JURUAUDIT</b>	<b>17 – 18</b>
<b>6.</b>	<b>PERNYATAAN PEMEGANG AMANAH</b>	<b>19</b>
<b>7.</b>	<b>PENYATA KEWANGAN</b>	<b>20 – 33</b>
<b>8.</b>	<b>ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA</b>	<b>34 – 35</b>
<b>9.</b>	<b>MAKLUMAT TAMBAHAN</b>	<b>36</b>
<b>10.</b>	<b>MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN</b>	<b>37 – 38</b>
<b>11.</b>	<b>MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR</b>	<b>39</b>
<b>12.</b>	<b>BORANG PERTUKARAN ALAMAT</b>	<b>40</b>

## 1. MAKLUMAT TABUNG

### 1.1 Profil Tabung

Tabung ini telah dilancarkan pada 19 Februari 1969 sebagai Kumpulan Modal (MARA) Bumiputra Yang Kedua, khas untuk Bumiputera dan dilancarkan semula sebagai ASM Index Fund (ASM Index) pada 25 Mac 2002, dibuka penyertaannya kepada orang ramai daripada semua kaum dan akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

### 1.2 Kategori/Jenis Tabung

Dana Ekuiti / Indeks.

### 1.3 Saiz Tabung

250.0 juta unit.

### 1.4 Objektif Tabung

Memberi pulangan yang berpatutan dan mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh sederhana hingga panjang. Disamping itu, Pengurus Tabung cuba memastikan prestasi Tabung hampir menyamai prestasi tanda aras pasaran saham iaitu Indeks Komposit Kuala Lumpur (IK KL).

### 1.5 Tanda Aras Tabung

Indeks Komposit Kuala Lumpur (IK KL).

### 1.6 Dasar Pengagihan Tabung

Pengagihan pendapatan akan diisytiharkan pada akhir setiap tahun kewangan bergantung kepada jumlah pulangan Tabung, lebihan pendapatan sepanjang tempoh kewangan, aliran tunai bagi pengagihan serta kadar pulangan pendapatan yang stabil dan berterusan.

### 1.7 Kedudukan Pegangan Unit Oleh Pemegang-Pemegang Unit Pada 15 Mac 2009

Saiz Pegangan Unit	Jumlah Pemegang Unit	%	Jumlah Unit Dipegang *	%
5,000 dan ke bawah	2,209	81.88	3,440,869.68	12.23
5,001 - 10,000	297	11.01	2,070,324.20	7.36
10,001 - 50,000	171	6.34	3,019,912.78	10.74
50,001 - 500,000	16	0.59	1,540,460.16	5.48
500,001 dan ke atas	5	0.18	18,057,016.81	64.19
<b>Jumlah</b>	<b>2,698</b>	<b>100.00</b>	<b>28,128,583.63</b>	<b>100.00</b>

\* Nota: Tidak termasuk unit Pengurus

## 2. PENCAPAIAN DANA

### 2.1 Komposisi Tabung

Sektor (%)	Prestasi Tabung Bagi Tahun Kewangan Berakhir 15 Mac		
	2009	2008	2007
Barangan Pengguna	0.8	4.3	5.1
Barangan Industri	5.0	6.0	8.3
Pembinaan	1.2	3.9	3.5
Dagangan & Perkhidmatan	24.4	30.8	34.9
Kewangan	11.6	22.5	21.5
Hartanah	1.1	1.0	1.1
Perladangan	5.0	11.1	7.8
Infrastruktur	2.6	2.2	2.2
Instrumen Pasaran Wang/dll	48.3	18.2	15.6
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Maklumat Prestasi</b>			
Nilai Aset Bersih (NAB) - xD (RM'000)	9,812	12,392	12,914
Unit Dalam Edaran ('000)	28,779	28,504	29,491
Nilai Aset Bersih Seunit - xD (RM)	0.3409	0.4347	0.4378
<i>Nilai Aset Bersih Seunit:- xD</i>			
<i>(Tertinggi: 16/03 – 15/03)</i> (RM)	0.4661	0.5482	0.4143
<i>(Terendah: 16/03 – 15/03)</i> (RM)	0.3409	0.4347	0.3890
<i>Jumlah Pulangan *</i> (%)	(18.7)	3.2	20.1
- Pertumbuhan Modal *	(21.6)	(2.4)	20.1
- Pengagihan Pendapatan *	2.9	5.6	-
Saiz Purata Tabung (RM'000)	11,511	13,909	12,326
Jumlah Perbelanjaan (RM'000)	198	236	211
Nisbah Perbelanjaan (%)	1.72	1.69	1.71
Pengurusan (NPP)			
Kos Purata Jualan & Belian (RM'000)	1,347	4,596	8,595
Pusing Ganti Portfolio (PGP) (kali)	** 0.12	0.33	0.70

\* **Sumber: Lipper**

\*\* PGP merosot agak ketara iaitu sebanyak 63.6% pada akhir tahun kewangan 2009 berbanding tempoh yang sama dalam tahun 2008. Oleh kerana Tabung ini berlandaskan IK KL, turun naik indeks dan perubahan komposisi IK KL mempengaruhi PGP. Sejalan dengan penurunan pada keseluruhan pasaran saham bagi tahun kewangan semasa, Pengurus Tabung telah menurunkan peratusan pegangan ekuiti dan melebihikan pegangan tunai untuk mengurangkan risiko pasaran yang tidak menentu. Dalam masa yang sama, saiz dana Tabung adalah kecil di mana strategi dagangan aktif (peratusan PGP yang tinggi) adalah tidak sesuai dan berisiko tinggi.

*Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.*

* Jumlah Pulangan Tahunan (Berakhir 15 Mac)				
2009	2008	2007	2006	2005
(18.7%)	3.2%	20.1%	0.5%	(1.5%)

* Jumlah Purata Pulangan (Berakhir 15 Mac)		
Setahun	3 Tahun	5 Tahun
(19.4%)	1.5%	0.9%

\* **Sumber:** Lipper

Maklumat di atas adalah berdasarkan pengagihan tunai (kasar)

## 2.2 Prestasi IK KL (Sumber: Bloomberg)

IK KL	1 Tahun	2 Tahun	3 Tahun
Kadar Penurunan	(29.4%)	(8.7%)	(5.3%)

## 2.3 Pengagihan Pendapatan/Terbilan Unit Pecahan

Tarikh/Tahun	15 Mac		
	2009	2008	2007
Pengagihan Tunai - Kasar (sen seunit)	1.24	2.90	-
- Bersih (sen seunit)	1.00	2.50	-
Nisbah Unit Pecahan	-	-	1:10

**Nota:** Unit Pecahan (jika ada) tidak layak menerima pengagihan pendapatan untuk tahun kewangan semasa.

*Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga Unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.*

Sila rujuk muka surat 34 - 35 bagi asas pengiraan.

### 3. LAPORAN PENGURUS

Bagi 12 bulan berakhir 15 Mac 2009 (16 Mac 2008 hingga 15 Mac 2009).

#### 3.1 Analisa Prestasi Tabung


##### 3.1.1 Bandingan Prestasi Tabung dengan Objektif Pelaburan

Sejajar dengan kejatuhan yang ketara dalam pasaran saham, pada akhir tahun kewangan berakhir 15 Mac 2009 pulangan modal ASM Index turut mengalami kemerosotan pertumbuhan yang agak besar. Namun demikian, berdasarkan kepada jumlah pendapatan Tabung, Pengurus Tabung telah mengisytiharkan pengagihan tunai sebanyak 1.00 sen (bersih) seunit dan ini telah menjadikan jumlah pulangan keseluruhan Tabung kepada negatif 23.7% setahun. Oleh itu secara kesimpulannya, sepanjang tahun kewangan dalam kajian, ASM Index telah berjaya mengatasi penanda arasnya iaitu IK KL yang telah mengalami kemerosotan sebanyak 29.4%.

Semenjak dilancarkan, Tabung anda telah menunjukkan peningkatan nilai modal sebanyak 244.0% berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) RM3.4402 seunit (selepas penyesuaian unit pecahan) pada 15 Mac 2009 berbanding RM1.00 seunit ketika dilancarkan. Manakala pengagihan tunai Tabung sejak ditubuhkan berjumlah RM11.5048 seunit (selepas penyesuaian unit pecahan). Ini memberikan purata pulangan tahunan semenjak penubuhan Tabung sebanyak 34.9% selaras dengan objektif Tabung.

##### 3.1.2 Bandingan Prestasi Tabung dengan Tanda Aras

Prestasi Tabung ini berbanding tanda aras IK KL sepanjang tempoh 5 tahun berakhir 15 Mac 2009 adalah seperti berikut:-



(Sumber: Bloomberg)

Sepanjang 5 tahun lepas, NAB terendah dan tertinggi Tabung adalah RMO.3409 dan RMO.5482 yang masing-masing dicatatkan pada 13 Mac 2009 dan 11 Januari 2008. IK KL pula mencatatkan paras tertinggi pada 11 Januari 2008 iaitu 1,516.22 mata, manakala paras terendah ialah 781.05 mata telah dicatatkan pada 17 Mei 2004. Berdasarkan graf perbandingan prestasi, terdapat ketidakseragaman pertumbuhan ASM Index dan IK KL di antara tahun 2004 hingga 2006 yang disebabkan oleh berlakunya pengstruktur semula portfolio oleh Pengurus Tabung terutamanya dalam tahun 2006.

Oleh yang demikian, secara keseluruhan dalam tempoh setahun ini, ASM Index tidak dapat mencapai objektif Tabung sepenuhnya terutama dalam pertumbuhan modal akibat daripada kejatuhan yang ketara dalam pasaran saham, tetapi memandangkan masih ada beberapa sektor ekonomi yang mantap seperti telekomunikasi, minyak dan gas serta utiliti, Pengurus Tabung menjangkakan pasaran saham akan pulih sedikit pada tahun-tahun mendatang dan mengandaikan portfolio Tabung ini juga akan terus dinamik untuk menghasilkan pulangan yang memuaskan pada masa hadapan.

### 3.2 Ciri-Ciri dan Perbandingan Komponen Pelaburan Tabung Dengan Tanda Aras IK KL Pada 15 Mac 2009

IK KL pada amnya diterima sebagai barometer pasaran saham tempatan. Pada masa kini, IK KL mengandungi 100 syarikat komponen yang dipilih selepas penapisan rapi oleh Bursa Malaysia. Perbandingan komponen pelaburan Tabung dengan IK KL adalah seperti berikut:-

Pecahan Industri	% Komponen ASM Index	% Komponen IK KL
Barangan Pengguna	0.8	9.2
Barangan Industri	5.0	7.9
Pembinaan	1.2	4.5
Dagangan/Perkhidmatan	24.4	43.2
Perbankan & Kewangan	11.6	19.8
Hartanah	1.1	2.7
Perladangan	5.0	8.3
Infrastruktur	2.6	4.1
Teknologi	-	0.3
Instrumen Pasaran Wang/dll	48.3	-

### 3.3 Polisi Pengimbangan Tabung

Komponen pelaburan Tabung akan diimbangi pada setiap penghujung bulan bagi mencerminkan pertukaran komposisi atau peratus saham-saham komponen IK KL.

Proses pengimbangan juga dilakukan sekiranya peratus saham komponen melebihi peratus saham di IK KL. Saham tersebut akan dijual bagi menyamai kedudukan peratus stok komponen IK KL.

Sekiranya kos pelaburan saham tersebut lebih tinggi dari harga pasaran, jualan akan dibuat dalam tempoh 3 bulan bagi mengurangkan sebarang potensi kerugian.

### 3.4 Prestasi Kewangan Tabung

	15/03/2009 (RM)	15/03/2008 (RM)	% Perubahan
Dividen Kasar	410,485	527,357	(22.2)
Faedah	93,590	71,246	31.4
Keuntungan Dari Jualan Pelaburan	74,449	783,096	(90.5)
Pendapatan Pelbagai	-	685	-
Jumlah Pendapatan	578,524	1,382,384	(58.2)
<u>Tolak</u> : Perbelanjaan & Cukai	265,496	348,795	(23.9)
Keuntungan Selepas Cukai	313,028	1,033,589	(69.7)

### 3.5 Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/IK KL

	15/03/2009	15/03/2008	% Perubahan
Unit Dalam Edaran	28,779,000	28,504,000	1.0
Nilai Aset Bersih (RM)	9,811,881	12,392,104	(20.8)
Nilai Aset Bersih/Unit (RM) - xD	0.3409	0.4347	(21.6)
IK KL	843.45	1,194.84	(29.4)

### 3.6 Jumlah Pulangan Seunit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 15 Mac 2009

Pertumbuhan Modal/Unit	Pulangan Pendapatan (Bersih)/Unit	Jumlah Pulangan/Unit
(sen)	(sen)	(sen)
(9.4)	1.0	(8.4)

Pada 15 Mac 2009, unit di dalam edaran meningkat sebanyak 1.0% berbanding tahun lepas. Manakala NAB Tabung pula menunjukkan penurunan sebanyak 20.8%.

NAB seunit susut sebanyak RM0.0838 dari RM0.4347 kepada RM0.3509 (cD), menunjukkan jumlah pulangan negatif 19.5%. (Sila rujuk muka surat 34 - 35 bagi asas pengiraan). IK KL yang dijadikan tanda aras bandingan prestasi Tabung pula mencatat pulangan sebanyak negatif 29.4% sepanjang tempoh yang sama.

### 3.7 Polisi Dan Strategi Pelaburan

Polisi pelaburan Tabung ialah untuk melabur sekurang-kurangnya 70% dari NAB Tabung ke dalam saham-saham komponen IK KL (kecuali saham-saham tidak beretika). Selebihnya pelaburan Tabung adalah dibuat di dalam saham-saham yang bukan komponen IK KL dan instrumen pasaran wang yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.


Sepanjang tempoh kajian berakhir 15 Mac 2009, Tabung telah melabur di dalam saham-saham komponen IK KL dan bukan komponen IK KL serta dalam instrumen-instrumen kewangan yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Strategi pelaburan Tabung adalah kombinasi pasif dan aktif, di mana komposisi komponen akan disesuaikan mengunjur ke arah peratusan saham-saham komponen IK KL dan bukan komponen IK KL yang dijangka memberi pulangan jangka panjang.

### 3.8 Pengagihan Aset-Aset Tabung


Pada asasnya, pengkelasan dan peratusan di dalam ASM Index adalah berdasarkan komponen-komponen kelas aset IK KL itu sendiri. Ini adalah sejajar dengan apa yang telah dinyatakan di dalam Prospektus. Bagi tahun 2009, pengkhususan Tabung adalah ke arah saham-saham yang berwajaran tinggi. Ini adalah kerana prospek ke hadapan yang dilihat lebih menguntungkan pada kelas-kelas aset tersebut.

Bagi tahun kewangan berakhir 15 Mac 2009, Pengurus Tabung telah mengurangkan pegangan dalam pasaran ekuiti kepada 51.7% berbanding 81.8% pada tahun sebelumnya akibat daripada pasaran saham luar negara yang tidak menentu ekoran kemelesetan ekonomi global. Aktiviti-aktiviti pembelian terhadap stok-stok terpilih di dalam sektor-sektor yang berpotensi sambil memberikan pulangan pendapatan seperti sektor perladangan dan utiliti telah dilakukan secara berhati-hati. Pengurus Tabung juga dijangka akan terus menurunkan pegangan ekuiti serta melakukan aktiviti-aktiviti penjualan sejajar dengan kekuatan pasaran dalam jangkamasa pendek.

#### Pengagihan Aset ASM Index Pada 15/03/2009



### Pengagihan Aset ASM Index Pada 15/03/2008




### 3.9 Prestasi Instrumen Pelaburan

Pecahan pulangan mengikut kelas aset adalah seperti berikut:-

Pecahan Pulangan Seunit Mengikut Kelas Aset						
	15 Mac 2009 (%)	15 Mac 2008 (%)	Naik/ (Turun) (%)	Purata Pendedahan Pelaburan (%)	Purata Pulangan (%)	Pecahan Kepada Jumlah Pulangan (%)
Ekuiti	51.7	81.8	(36.8)	66.8	(34.2)	(22.8)
Instrumen pasaran wang, dan lain-lain	48.3	18.2	165.4	33.2	2.7	0.9
Perbelanjaan						(1.8)
<b>Jumlah Pulangan</b>						<b>23.7</b>

Untuk jangkamasa setahun berakhir 15 Mac 2009, sebanyak 51.7% telah dilaburkan di pasaran ekuiti dan pelaburan tersebut telah menghasilkan purata pulangan negatif iaitu 34.2%. Manakala pelaburan dalam instrumen pasaran wang, derivatif tersiarharga dan lain-lain bentuk pelaburan pula telah mencatat pulangan yang positif iaitu 2.7% untuk jangkamasa yang sama.

### 3.10 Suasana Bursa Saham Tempatan



Pada bulan Mac 2008, berikutan keputusan Pilihanraya Umum ke-12 yang di luar jangkaan memperlihatkan Barisan Alternatif berjaya menghalang Barisan Nasional daripada memperoleh majoriti 2/3 kerusi di Parlimen, telah menimbulkan kebimbangan di kalangan para pelabur. Keadaan tersebut telah menyebabkan IK KL menjunam pada hari urusniaga berikutnya sebanyak 10% menyebabkan urusniaga di Bursa Malaysia dihentikan buat pertama kali. Selain daripada itu, prestasi yang tidak menentu di pasaran Wall Street dan juga serantau serta kemerosotan harga minyak kelapa sawit juga turut memberi kesan kepada kejatuhan pasaran saham.

Pada minggu pertama bulan April 2008, susulan daripada keputusan PRU-12 yang lalu berkemungkinan memberi impak yang kurang memberangsangkan kepada ekonomi secara keseluruhan melalui penilaian semula atau penangguhan beberapa projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Pada masa yang sama, pasaran serantau masih berada dalam kebimbangan kesan daripada turun naik pasaran New York yang terus dipengaruhi oleh krisis pinjaman sub-prima dan jangkaan kemerosotan ekonomi di Amerika Syarikat. Sementara itu, harga komoditi seperti minyak mentah pula turut melonjak naik untuk mencatatkan rekod melebihi USD110 setong pada 9 April 2008. Keadaan ini telah melegakan pasaran dalam tempoh berkenaan.

Walaupun IK KL menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di awal bulan Mei 2008 kesan kenaikan harga komoditi, pasaran saham kembali suram di akhir bulan mencerminkan ketidaktentuan dalam pasaran ekuiti global dan perkembangan politik dalam negeri yang tidak menentu. Pengunduran Dr. Mahathir daripada UMNO dan perasaan tidak puas hati di kalangan beberapa ahli politik di Sabah terhadap pentadbiran UMNO terus melemahkan sentimen di pasaran saham.

Manakala, pada bulan Jun 2008, penstrukturan semula sistem subsidi minyak dan gas serta pelaksanaan cukai ke atas keuntungan yang berlebihan (*windfall tax*) ke atas sektor perladangan mengejutkan banyak pihak menyebabkan pasaran saham tempatan mengalami kemerosotan ekoran penjualan saham-saham secara keseluruhan. Pada masa yang sama, cadangan parti komponen BN iaitu SAPP untuk mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri turut memberi impak yang negatif kepada sentimen pasaran.

Pasaran saham terus merundum pada bulan Julai 2008 ekoran ketidaktentuan politik tempatan, pasaran serantau yang lemah dan kejatuhan harga minyak kelapa sawit yang menjejaskan saham-saham perladangan. Pada dasarnya, prestasi pasaran saham semasa dipengaruhi oleh harga-harga komoditi terutamanya harga minyak mentah dan juga harga minyak kelapa sawit di mana harga minyak mentah telah melonjak naik mencatatkan rekod tertinggi ke paras USD145 setong pada pertengahan bulan Julai 2008. Kebanyakan para pelabur mengambil langkah tunggu dan lihat ekoran pasaran yang tidak menentu dan persepsi negatif pelabur terhadap pasaran saham menyebabkan IK KL di tutup rendah pada bulan Julai 2008.

Pasaran saham Malaysia menunjukkan prestasi yang negatif pada separuh pertama Ogos 2008 apabila IK KL terus merosot untuk berada di bawah paras 1,100 mata ekoran kejatuhan yang berterusan dalam harga saham-saham perladangan dan juga sentimen pasaran yang tidak bermaya disebabkan oleh suasana politik tempatan yang tidak menentu. Pasaran saham tempatan kekal tidak bermaya pada bulan September 2008 kesan daripada kebimbangan terhadap kejatuhan pasaran saham serantau dan juga Wall Street menyebabkan IK KL merosot sebanyak 14% pada bulan tersebut. Pada masa yang sama, kejatuhan dalam harga komoditi seperti minyak kelapa sawit menyebabkan harga saham-saham perladangan terus merosot.

Manakala, pada awal bulan Oktober pula, pasaran saham kekal tidak bermaya menyebabkan IK KL susut di bawah paras 1,000 mata. Kemerosotan ini adalah berpunca daripada tekanan jualan oleh pelabur-pelabur asing dan kejatuhan harga komoditi seperti minyak mentah dan juga minyak kelapa sawit. Pada separuh kedua bulan Oktober 2008, IK KL terus merosot ekoran rentak pasaran serantau yang kurang menggalakkan berikutan kebimbangan terhadap kelembapan aktiviti-aktiviti ekonomi global. Pengurus Tabung mengurangkan aktiviti pelaburan kerana pasaran tidak begitu bermaya menyebabkan urusniaga di bursa tempatan menjadi sederhana. Kerugian saham pada bulan Oktober, kebanyakannya daripada sektor perladangan dan kewangan telah menolak turun penanda aras IK KL untuk ditutup pada paras serendah 864 mata.

IK KL mempamerkan sedikit kekukuhan pada bulan November 2008 dengan minat belian tertumpu kepada saham-saham utama. Ini ekoran pakej rangsangan ekonomi bernilai USD586 bilion yang diumumkan oleh China untuk mengatasi kemelut ekonomi. Malaysia juga turut mengumumkan pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion di samping beberapa langkah lain untuk menggalakkan perbelanjaan pengguna. Pada bulan November IK KL di tutup sedikit tinggi daripada bulan sebelumnya pada paras 866 mata. Pasaran saham merundum sedikit pada awal bulan Disember 2008 kesan daripada perbelanjaan dalam negeri yang menurun serta pertumbuhan eksport yang perlahan.

Walau bagaimanapun, sentimen bertukar positif pada minggu berikutnya ekoran kegiatan membeli saham yang diterajui saham perladangan dan kewangan berikutan jangkaan pendapatan yang lebih baik mendorong IK KL di tutup pada paras 876.75 mata pada akhir Disember 2008.

IK KL ditutup tinggi sedikit pada Januari 2009 selari dengan kenaikan dalam harga komoditi terutamanya harga minyak sawit mentah kepada RM1,833/mt pada 16 Januari berbanding RM1,576/mt pada 15 Disember 2008, sekaligus melonjakkan sektor perladangan. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 75 mata asas kepada 2.50% daripada 3.25% untuk membolehkan pasaran saham IK KL ditutup tinggi sedikit pada 30 Januari 2009 kepada 884.45 mata berbanding 876.75 mata pada 31 Disember 2008. Sentimen pasaran terus mempamerkan prestasi yang positif pada separuh pertama bulan Februari 2009 dengan memperlihatkan peningkatan dalam dagangan, sejajar dengan meningkatnya aliran dalam pasaran serantau yang didorong oleh kenaikan di Wall Street dalam tempoh berkenaan. Para pelabur berharap langkah-langkah rangsangan ekonomi di Amerika Syarikat akan mengurangkan kelembapan ekonomi global. Dalam pasaran tempatan pula, pengumuman bajet mini baru-baru ini dijangka dapat meningkatkan sentimen pasaran yang membolehkan IK KL ditutup melepasi paras 900 mata pada bulan Februari 2009.

Pasaran saham IK KL terus merosot pada separuh pertama bulan Mac 2009 berikutan penjualan secara besar-besaran ke atas saham-saham seperti Maybank dan TMI ekoran cadangan jumlah terbitan hak yang besar oleh kedua-dua syarikat terbabit. Pada masa yang sama, Timbalan Perdana Menteri mengumumkan jumlah pakej rangsangan sebanyak RM60 billion untuk tempoh 2009 dan 2010. Walau bagaimanapun, sentimen pasaran masih tidak bermaya menyebabkan IK KL ditutup rendah kepada 843.45 mata pada akhir tahun kewangan berbanding bulan sebelumnya pada 890.67 mata.

### 3.11 Suasana Pasaran Wang

Pada tempoh 1 hingga 24 Februari 2009, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 2.50% - 2.51%. Berikutan penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 2.00% pada 24 Februari 2009, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman menurun ke julat 1.98% - 2.00% pada tempoh 25 Februari 2009 -30 Mac 2009. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga menurun sejajar dengan penurunan OPR. Kadar deposit tetap (FD) purata bank perdagangan merosot pada bulan Februari 2009 dan Mac 2009. Pada 15 Mac 2009, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegang 1 hingga 12 bulan merosot kepada julat 2.02% - 2.52%. Dari segi Kadar Pinjaman Bank Perdagangan, Kadar Pinjaman Asas Purata (BLR) dan Kadar Pinjaman Purata (ALR) masing-masing menurun ke tahap paling rendah iaitu 5.53% pada 15 Mac 2009 (Februari 2009: 5.89%) dan 5.49% pada akhir bulan Februari 2009 (Januari 2009: 5.77%).

Inflasi terus menjadi sederhana kepada 3.7% pada bulan Februari 2009. Ini terutamanya disebabkan oleh penurunan harga runcit bahan api dan kenaikan harga makanan yang lebih kecil.

(Sumber: BNM)

### 3.12 Pengagihan Pendapatan

Berdasarkan kepada pendapatan Tabung semasa, Pengurus dengan persetujuan Pemegang Amanah telah mengisytiharkan pengagihan tunai sebanyak 1.00 sen (bersih) (kasar: 1.24 sen) seunit kepada semua Pemegang-Pemegang Unit yang berdaftar pada 15 Mac 2009. Pengagihan tunai tersebut akan dibayar pada atau sebelum 15 Mei 2009.

### 3.13 Terbitan Unit Pecahan

Tiada terbitan unit pecahan dicadangkan bagi Tabung sepanjang tahun kewangan berakhir 15 Mac 2009.

### 3.14 Kesan Daripada Pengagihan Pendapatan

Pengisytiharan pengagihan pendapatan telah menurunkan NAB Tabung seunit dari RM0.3509 kepada RM0.3409.

	Sebelum Pengagihan Pendapatan (cD)	Selepas Pengagihan Pendapatan (xD)
* Nilai Aset Bersih	RM 0.3509	RM 0.3409

#### Harga Urusniaga Unit Pada 15 Mac 2009

	Sebelum Pengagihan Pendapatan (cD)	Selepas Pengagihan Pendapatan (xD)
* Nilai Aset Bersih	RM 0.3509	RM 0.3409

\* Melalui Kaedah Harga Tunggal (*Single Pricing Regime*), penjualan dan pembelian balik adalah bersamaan dengan NAB seunit.

### 3.15 Rebet dan Komisen Tidak Langsung

Pengurus atau Pemegang Amanah tidak dibenarkan menerima sebarang rebet atau komisen dari broker/dealer sebagai imbuhan bagi urusniaga pelaburan. Sekiranya ada, imbuhan ini perlu disalurkan ke dalam akaun Tabung.

Sepanjang tahun kewangan berakhir 15 Mac 2009, Pengurus tidak menerima sebarang imbuhan daripada broker/dealer selain daripada laporan ataupun material penyelidikan yang berkaitan dengan ekonomi, pasaran saham termasuk analisa penyelidikan terhadap sesuatu syarikat yang tersenarai ataupun hendak disenaraikan di Bursa Malaysia, yang mana digunakan untuk rujukan penyelidikan pelaburan.

#### **4. PERNYATAAN PENGURUS**

##### **Kepada Pemegang-Pemegang Unit ASM INDEX FUND**

Kami sebagai Pengarah-Pengarah kepada ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD selaku Pengurus ASM INDEX FUND berpendapat penyata kewangan yang dibentangkan memberikan maklumat dan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Tabung pada 15 Mac 2009, pergerakan nilai aset bersih, hasil kendalian aset serta aliran tunai Tabung untuk tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Untuk dan bagi pihak  
**ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD**  
Selaku Pengurus ASM Index Fund

**NIK MOHAMED ZAKI BIN NIK YUSOFF**  
Pengarah

**DATO' KAMARUDDIN BIN MOHAMMED**  
Pengarah

**KUALA LUMPUR**  
16 April 2009

## 5. LAPORAN JURUAUDIT

### **Kepada Pemegang-Pemegang Unit ASM INDEX FUND**

#### ***Laporan ke atas Penyata Kewangan***

Kami telah mengaudit penyata kewangan dan jadual untuk ASM Index Fund, yang terdiri daripada lembaran imbalan pada 15 Mac 2009, penyata pendapatan dan perbelanjaan, penyata perubahan pada nilai aset bersih dan penyata aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir 15 Mac 2009 dan dasar perakaunan serta nota-nota penjelasan, yang dibentangkan.

#### ***Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah ke atas penyata kewangan***

Pengurus bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan mengikut Piawaian Laporan Kewangan dan Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: membentuk, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, samada melibatkan penipuan atau kesilapan, memilih dan menggunakan dasar perakaunan yang sesuai dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah. Pemegang Amanah bertanggungjawab memastikan Pengurus menyimpan rekod-rekod perakaunan dalam keadaan sempurna seperti yang dikehendaki bagi memperoleh pembentangan yang saksama ke atas penyata kewangan.

#### ***Tanggungjawab Juruaudit***

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi satu pendapat berdasarkan pengauditan kami ke atas penyata kewangan. Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini mengkehendaki kami memenuhi kehendak etika dan perancangan serta pelaksanaan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan merangkumi pelaksanaan bagi memperoleh prosedur, bukti-bukti berkaitan kepada amaun-amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko terhadap salah nyata yang ketara di dalam penyata kewangan, samada melibatkan penipuan atau kesilapan. Dalam menentukan penilaian risiko, kami mengambilkira kawalan dalaman yang bersesuaian terhadap penyediaan dan pembentangan penyata kewangan Tabung yang saksama bagi mencapai kaedah pengauditan yang bersesuaian mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk mengemukakan pandangan terhadap keberkesanan kawalan dalaman Tabung tersebut. Pengauditan juga meliputi penilaian terhadap dasar perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran perakaunan yang penting yang dibuat oleh Pengurus, serta penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami berpendapat bukti-bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian bagi memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

**Pendapat**

Pada pendapat kami, penyata kewangan dan nota-nota yang dibentangkan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah melainkan penilaian pelaburan dan memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan keadaan urusan Tabung pada 15 Mac 2009, pergerakan nilai aset bersih dan hasil serta aliran tunai Tabung untuk tahun berakhir pada tarikh itu.

Jadual yang dibentangkan telah diambil terutamanya dari rekod perakaunan dan lain-lain rekod Tabung yang telah dikenakan ujian-ujian dan lain-lain tatacara audit sewaktu pemeriksaan kami ke atas penyata kewangan Tabung untuk tahun berakhir 15 Mac 2009. Pada pendapat kami, pada keseluruhannya maklumat itu telah dibentangkan dengan saksama jika dipandang dari semua segi penting berkenaan dengan penyata kewangan itu.

**Lain-Lain Perkara**

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi satu pendapat yang bebas berdasarkan pengauditan kami ke atas penyata kewangan dan dengan tiada tujuan lain untuk membuat laporan berkenaan pendapat kami sebagai satu badan kepada anda, menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak yang lain bagi kandungan laporan ini.

**AHMAD ABDULLAH & GOH** AF-0381  
Akauntan Bertauliah  
Juruaudit

**GOH KENG JUAY** 461/05/09(J)  
CA(M), FCA(E&W)  
Rakan Kongsi

**Kuala Lumpur**

**16 April 2009**

## 6. PERNYATAAN PEMEGANG AMANAH

### Kepada Pemegang-Pemegang Unit ASM INDEX FUND

AMANAH RAYA BERHAD, selaku Pemegang Amanah kepada ASM INDEX FUND ("Unit Amanah") berpendapat bahawa ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD, selaku Pengurus Unit Amanah telah menjalankan tanggungjawab mereka bagi tahun kewangan berakhir 15 Mac 2009 seperti berikut:

- a) Unit Amanah ini telah diuruskan selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah dan peruntukan-peruntukan lain yang termaktub di dalam Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti ("Garispanduan"), Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang diterimapakai berkuatkuasa bagi tahun kewangan berakhir 15 Mac 2009;
- b) Prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit Tabung tersebut adalah mencukupi dan selaras dengan Suratikatan dan peruntukan undang-undang yang berkaitan;
- c) Jualan, belian balik, penjadian dan perlucutan unit ASM INDEX FUND dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- d) Pengagihan kepada Pemegang-Pemegang Unit ASM INDEX FUND adalah selaras dengan objektif pelaburan Unit Amanah.

Untuk dan bagi pihak  
**AMANAH RAYA BERHAD**

**DATO' AHMAD RODZI PAWANTEH**  
Pengarah Urusan Kumpulan

**KUALA LUMPUR**  
**6 Mei 2009**

## 7. PENYATA KEWANGAN

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 15 MAC 2009

	NOTA	2009 RM	2008 RM
<b>PELABURAN</b>	4		
SAHAM TERSIARHARGA		5,059,728	10,136,272
DERIVATIF TERSIARHARGA		1,042	1,830
SIMPANAN WANG JANGKA PENDEK	5	4,631,568	2,394,945
		<u>9,692,338</u>	<u>12,533,047</u>
<b>LAIN-LAIN ASET</b>			
WANG DI BANK		110,766	137,715
TERHUTANG OLEH PENGURUS		-	279,353
TERHUTANG OLEH BROKER SAHAM		184,894	-
LAIN-LAIN SIBERHUTANG		129,035	201,344
TUNTUTAN CUKAI		178,458	83,300
		<u>603,153</u>	<u>701,712</u>
<b>JUMLAH ASET</b>		<u>10,295,491</u>	<u>13,234,759</u>
<b>LIABILITI</b>			
TERHUTANG KEPADA PENGURUS		6,259	8,266
TERHUTANG KEPADA PEMEGANG AMANAH		417	551
LAIN-LAIN SIPIUTANG		1,840	1,840
PENGAGIHAN	6	287,790	712,600
PERUNTUKAN CUKAI		187,304	119,398
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<u>483,610</u>	<u>842,655</u>
<b>NILAI ASET BERSIH</b>	7	<u>9,811,881</u>	<u>12,392,104</u>
<b>KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT</b>			
MODAL UNIT BERSIH	8	13,542,301	13,396,646
RIZAB BELUM DIREALISASI	9	(1,498,500)	1,231,104
KERUGIAN TERKUMPUL		(2,231,920)	(2,235,646)
		<u>9,811,881</u>	<u>12,392,104</u>
<b>UNIT DALAM EDARAN</b>	8	<u>28,779,000</u>	<u>28,504,000</u>
<b>NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM) - XD</b>		<u>0.3409</u>	<u>0.4347</u>

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN  
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR  
15 MAC 2009**

	<u>NOTA</u>	<u>2009</u> RM	<u>2008</u> RM
<b>PENDAPATAN</b>			
DIVIDEN KASAR		410,485	527,357
FAEDAH		93,590	71,246
KEUNTUNGAN DARI JUALAN PELABURAN		74,449	783,096
PENDAPATAN PELBAGAI		-	685
		<u>578,524</u>	<u>1,382,384</u>
<b>PERBELANJAAN</b>			
YURAN PENGURUS	10	172,049	209,447
YURAN PEMEGANG AMANAH	11	11,470	13,963
YURAN AUDIT		1,200	1,200
YURAN AGEN CUKAI		640	640
PERBELANJAAN PENTADBIRAN		12,231	10,426
		<u>197,590</u>	<u>235,676</u>
